



BAHAGIAN PEMBANGUNAN KESIHATAN KELUARGA
JABATAN KESIHATAN AWAM (*PUBLIC HEALTH DEPARTMENT*)
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
(*MINISTRY OF HEALTH, MALAYSIA*)
Aras 7 & 8, BLOK E10, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590, Putrajaya.

Tel : 03-8883 3888
Faks : 03-8888 6150
E-mail : bpkk@moh.gov.my

Ruj. Kami : KKM.600-30/4/2 Jld 12(17)
Tarikh : 3 Jun 2025

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/Dato' Indera/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

MINIT MESYUARAT SESI LIBAT URUS BERSAMA PEMEGANG TARUH BAGI KEMPEN AKTIVITI IMUNISASI TAMBAHAN MEASLES RUBELLA (*MEASLES AND RUBELLA SUPPLEMENTARY IMMUNIZATION ACTIVITY – MR SIA*)

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita bersama-sama ini disertakan Minit Mesyuarat Sesi Libat Urus bersama pemegang taruh bagi kempen aktiviti Imunisasi Tambahan Measles Rubella (*Measles And Rubella Supplementary Immunization Activity – MR SIA*) yang telah diadakan pada 8 Mei 2025 untuk perhatian dan tindakan YBhg. Datuk/Dato' Indera/Dato'/Datin/Tuan/Puan.

3. Segala kerjasama dan sokongan daripada pihak YBhg. Datuk/Dato' Indera/Dato'/Datin/Tuan/Puan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(DATO' DR NORSIAH BINTI ALI) MMC 30052 NSR 125947

Pengarah

Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga
Kementerian Kesihatan Malaysia

SENARAI EDARAN

KEMENTERIAN & AGENSI LUAR

1. Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM)
2. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)
3. Ketua Pengarah
Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)
4. Ketua Pengarah
Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA)
5. Ketua Pengarah
Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN)
6. Ketua Pengarah
Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)
7. Ketua Pengarah
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)
8. Ketua Pengarah
Jabatan Kemajuan Masyarakat, Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KEMAS)
9. Presiden
Immunise4Life (IFL)
10. The High Commissioner
United Nations High Commissioner for Refugees (UNHCR)
11. Presiden
Persatuan Pengasuh Berdaftar Malaysia (PPBM)
12. Presiden
Persatuan Hospital Swasta Malaysia (APHM)
13. Presiden
Malaysian Medical Association (MMA)
14. Presiden
Medical Practitioners Coalition Association of Malaysia (MPCAM)
15. Presiden
Pertubuhan Doktor-Doktor Islam Malaysia (PERDIM)
16. Presiden Persatuan Perubatan Islam Malaysia (IMAM)

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

1. Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengurusan Latihan
2. Pengarah
Bahagian Perkembangan Kesihatan Awam
3. Pengarah
Bahagian Kawalan Penyakit
4. Pengarah
Bahagian Kesihatan Digital

SENARAI KEHADIRAN

BIL	NAMA	JAWATAN	AGENSI
1.	Abdul Hasli bin Abdullah	Penolong Pengarah	Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, KPM
2.	Mohd Fakarudin bin Hussain	Ketua Penolong Pengarah	Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, KPM
3.	Norzie Fariza binti Suid	Ketua Penolong Setiausaha	Bahagian Dasar & Perancangan Strategik, KPWKM
4.	Azmaliza binti Ismail	Ketua Penolong Pengarah	Bahagian Perancangan dan Pembangunan, JKM
5.	Hasnida binti Samsudin	Ketua Komunikasi Korporat	Bahagian Korporat, JPNIN
6.	Mazlee bin maskin	Pembantu Pembangunan Masyarakat	Seksyen Kebajikan Perubatan Orang Asli (SKPOA), JAKOA
7.	Mohamad Noorazli bin Mohd Norpiah	Pembantu Pembangunan Masyarakat	Seksyen Kebajikan Perubatan Orang Asli (SKPOA), JAKOA
8.	Shamsudin bin Abdul Raffar	Pembantu Pembangunan Masyarakat	Unit Kebajikan Pesakit, JAKOA
9.	Syamsul Azhar bin Mohd Yusof	Penolong Pengarah Kanan	Bahagian Pembangunan Komuniti, KEMAS
10.	Raznielawati binti Lahaji Ibu Pejabat KEMAS Putrajaya, Bangunan KKDW	Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat	Bahagian Pendidikan Awal Kanak-Kanak, KEMAS
11.	Nur Fatimah binti Mohd Sidek	Penolong Pengarah Kanan	Bahagian Keluarga, Sosial & Komuniti, JAKIM
12.	Dr Susheela Balasundaram	Associate Public Health Officer	UNHCR
13.	Yeo Jason	Assistant Public Health Officer	UNHCR
14.	Dr Sivanaesan A/L Letchumanan	Naib Setiausaha	MMA
15.	Prof Datuk Dr Zulkifli bin Ismail	Pengerusi Jawatankuasa Teknikal	Immunise4Life (IFL)
16.	Stephen Tan	Sekretariat	Immunise4Life (IFL)
17.	Shazleen Sofea binti Abdullah	Sekretariat	Immunise4Life (IFL)
18.	Farah Ezleen Aqilah binti Abu Bakar	Sekretariat	Immunise4Life (IFL)
19.	Mazlah binti Wahab	Penolong Setiausaha Kanan	Bahagian Pengurusan Latihan, KKM

BAHAGIAN KAWALAN PENYAKIT, KKM			
20.	Dr. Harishah binti Talib	Pakar Perubatan Kesihatan Awam	Sektor Kawalan VPD & FWBD
21.	Dr. Diana binti Mahat	Pakar Perubatan Kesihatan Awam	Sektor Kawalan VPD & FWBD
BAHAGIAN PERKEMBANGAN KESIHATAN AWAM, KKM			
22.	Nor Azlin binti Adam	Pegawai Farmasi	Sektor Farmasi Kesihatan Awam
23.	Nurul Farahin binti Sohaimi	Ketua Penolong Pengarah	Sektor Farmasi Kesihatan Awam
BAHAGIAN PEMBANGUNAN KESIHATAN KELUARGA, KKM			
24.	Dr. Zaahirah binti Mohammad	Pakar Perubatan Kesihatan Awam	Sektor Kesihatan Bayi & Kanak-kanak
25.	Dr. Nur Syakirah binti Awai	Pegawai Perubatan	Sektor Kesihatan Bayi & Kanak-kanak
26.	Pn Norsitah binti Baba	Penolong Pengarah Kejururawatan	Sektor Kesihatan Bayi & Kanak-kanak
27.	Pn Zuraida binti Busu	Penyelia Jururawat	Sektor Kesihatan Bayi & Kanak-kanak
28.	Pn Nur Baizura Bt. Januri	Pegawai Pendidikan Kesihatan	Unit Pembangunan Literasi Kesihatan
29.	En Shahrul Nurshafiq B. ABSL Kamarul Azmey	Pegawai Pendidikan Kesihatan	Unit Pembangunan Literasi Kesihatan
30.	Cik Siti Illianna Amelia Binti Abdul Latif	Pegawai Penerangan	Unit Pembangunan Literasi Kesihatan

**SESI LIBAT URUS BERSAMA PEMEGANG TARUH BAGI KEMPEN AKTIVITI
IMUNISASI TAMBAHAN MEASLES RUBELLA (MEASLES & RUBELLA
SUPPLEMENTARY IMMUNIZATION ACTIVITY – MR SIA)**

Tarikh : 8 Mei 2025 (Khamis)
Masa : 2.30 petang – 5.00 petang
Secara Atas Talian : Platform Google Meet:
<http://meet.google.com/wgz-thhf-axz>
Pengerusi : Dr. Saidatul Norbaya bt Buang
Timbalan Pengarah
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga (BPKK)

AGENDA MESYUARAT

1. KATA-KATA ALUAN

- 1.1. Pengerusi mengalu-alukan kehadiran semua wakil kementerian dan agensi.
- 1.2. Penyakit measles atau campak merupakan salah satu daripada penyakit cegahan vaksin yang boleh menjejaskan kesihatan bayi dan kanak-kanak.
- 1.3. Pada tahun 2023, pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (World Health Organization, WHO) telah mengenal pasti Malaysia sebagai negara berisiko tinggi mengalami kejadian wabak Measles. Oleh itu, disarankan agar Malaysia melaksanakan Nationwide Measles Supplementary Immunization Activity, yang kali terakhir dilakukan pada tahun 2004.
- 1.4. Berdasarkan situasi semasa jangkitan measles di seluruh negara, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menetapkan pelaksanaan Kempen Aktiviti Imunisasi Tambahan Measles & Rubella (Measles & Rubella Supplementary Immunization Activity – MR SIA). Kempen ini dijadualkan bermula pada 4 Ogos 2025 selama 8 hingga 10 minggu yang melibatkan 1.5 juta kanak-kanak di seluruh negara berusia 6 hingga 59 bulan.
- 1.5. Tujuan sesi libat urus ini adalah untuk membincangkan kerjasama bersama agensi pemegang taruh bagi Pelaksanaan Kempen MR SIA.

Makluman

2. PEMBENTANGAN

2.1. Pembentangan 1: Kempen Imunisasi Tambahan Measles-Rubella (MR SIA) & Polisi Berkaitan MR SIA oleh Bahagian Kawalan Penyakit (BKP), KKM

2.1.1. Dr Harishah, telah membentangkan secara ringkas mengenai penyakit measles dan situasi semasa penyakit ini di peringkat global dan Malaysia.

Makluman

2.1.2. Polisi pemberian vaksin Measles-Rubella (MR) sepanjang Kempen MR SIA:

- i. Tempoh kempen bermula 4 Ogos 2025 selama 8 hingga 10 minggu, serta menyasarkan semua kanak-kanak berumur 6 hingga 59 bulan, tanpa mengira status imunisasi dan kewarganegaraan.
- ii. Jenis Vaksin yang diberikan adalah vaksin Measles-Rubella (MR)
- iii. Pemberian vaksin adalah secara percuma kepada warganegara
- iv. Pengecualian caj (termasuk pendaftaran, perkhidmatan luar fasiliti dan perkhidmatan imunisasi) bagi perkhidmatan imunisasi Measles Rubella (MR) ke atas kanak-kanak Bukan Warganegara berumur 6 hingga 59 bulan untuk pelaksanaan Kempen MR SIA
- v. Boleh diperolehi di semua klinik kesihatan kerajaan dan klinik swasta terpilih

Makluman

2.1.3. Turut dibentangkan adalah keadaan di mana pemberian vaksin MR perlu ditangguhkan, serta kontraindikasi bagi pemberian vaksin MR.

Makluman

2.2. Pembentangan 2: Pelaksanaan Kempen Imunisasi Tambahan Measles-Rubella (MR SIA) oleh Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga (BPKK), KKM

2.2.1. Dr Zaahirah, telah membentangkan objektif sesi libat urus iaitu:

- i. Memaklumkan kepada agensi dan pemegang taruh mengenai Kempen MR SIA
- ii. Mendapatkan sokongan dan kerjasama dari agensi pemegang taruh utama kanak-kanak untuk mencapai sasaran Kempen MR SIA
- iii. Memohon sokongan untuk mempromosikan Kempen MR SIA

Makluman

2.2.2. Kempen MR SIA ini merupakan kempen jangka pendek oleh KKM bagi membendung dan mencegah penularan penyakit measles di Malaysia. Semasa kempen, semua kanak-kanak berusia 6 hingga 59 bulan akan diberi satu dos suntikan vaksin MR.

Makluman

2.2.3. Fasa pelaksanaan Kempen MR SIA oleh KKM:

FASA	AKTIVITI	JANGKA MASA
Perancangan	- Promosi dan advokasi melalui media - Taklimat kepada kementerian, agensi di peringkat kebangsaan, negeri dan daerah - Penerangan mengenai Kempen MR SIA kepada institusi jagaan kanak-kanak	Jun- Julai 2025
Pelaksanaan	KKM akan memberikan imunisasi MR kepada kanak-kanak yang layak di klinik KKM klinik swasta yang terpilih	Ogos-Okttober 2025
Pemantauan dan penilaian	Pemantauan dan penilaian oleh KKM	Ogos- Disember 2025

Makluman

2.2.4. Kerjasama yang diharapkan dari agensi dan pemegang taruh

i. Strategi 1: Advokasi dan penyampaian maklumat

AKTIVITI	KUMPULAN SASAR	AGENSI
Pemakluman Kempen MR SIA	- Masyarakat - Ibu bapa & penjaga - Guru	Semua agensi
Advokasi kepentingan imunisasi MR		
Pemakluman cara mendapatkan imunisasi MR di fasiliti KKM		

Tindakan: Semua agensi

ii. Strategi 2: Mendapatkan maklumat kanak-kanak (penerima vaksin)

AKTIVITI	KUMPULAN SASAR	AGENSI
Mendapatkan maklumat kanak-kanak	• Senarai institusi perlindungan dan jagaan kanak-kanak (berdaftar & tidak berdaftar) • Senarai kanak-kanak yang layak	• KPM • JKM • KEMAS • JAKIM • PPBM
Mengenal pasti lokasi kanak-kanak Bukan Warganegara	• Agensi yang terlibat dengan kanak-kanak BWN	• UNHCR

Tindakan: KPM, JKM, JAKIM, PPBM

iii. Perbincangan

a. Kriteria Kanak-Kanak Yang Layak Menerima Vaksin MR

- Professor Datuk Dr. Zulkifli Ismail dari IFL memaklumkan kanak-kanak yang menerima immunoglobulin boleh menerima vaksin MR selepas tempoh 6 bulan
- Beliau turut memaklumkan kanak-kanak yang menerima preskripsi aspirin untuk jangka masa yang panjang mempunyai risiko untuk mendapat *Reye's syndrome* sekiranya diberi vaksin MR. Oleh itu disarankan kanak-kanak ini ditangguhkan pemberian imunisasi MR selama sebulan.

Makluman

b. Aktiviti Promosi Kempen MR SIA

- Pengerusi memaklumkan aktiviti promosi berkaitan Kempen MR SIA boleh dimulakan selepas Majlis Sambutan Hari Imunisasi Peringkat Kebangsaan yang akan dilaksanakan pada 26 Mei 2025. Strategi aktiviti promosi akan dimulakan dengan pendedahan kepada masyarakat mengenai penyakit measles, dan diikuti dengan hebahan mengenai Kempen MR SIA.
- Di antara cabaran pelaksanaan Kempen MR SIA ini adalah isu penolakan dan *vaccine hesitancy* dalam kalangan ibu bapa.

Makluman

- iii. Professor Datuk Dr. Zulkifli Ismail dari IFL mencadangkan penglibatan ahli parlimen dalam salah satu strategi komunikasi risiko. Walau bagaimanapun, Pengerusi memaklumkan bahawa perkara ini perlu mendapat kelulusan dari pihak pengurusan tertinggi KKM terlebih dahulu.
- iv. Encik Jason Yeo, wakil UNHCR, bersetuju dengan cadangan penglibatan ahli parlimen dan ADUN, kerana mereka tahu keberadaan kanak-kanak warganegara dan bukan warganegara.

Tindakan: BKP & BPKK, KKM

- v. Professor Datuk Dr. Zulkifli Ismail dari IFL turut menekankan IFL terlibat bagi aktiviti advokasi dan promosi, namun perlu penglibatan dari Bahagian Pendidikan Kesihatan (HECC), KKM, memandangkan HECC berfungsi sebagai peneraju di peringkat kebangsaan dalam aktiviti promosi dan advokasi berkaitan program-program kesihatan.

Tindakan: HECC, KKM

- vi. En Jason Yeo, wakil UNHCR memohon agar KKM mengedarkan bahan promosi lebih awal kerana pihak mereka perlu membuat alihbahasa ke 13 bahasa seperti Arab, Persian, Burma dan lain lain.
- vii. Mesyuarat dimaklumkan oleh UNHCR bahawa bahan promosi akan disediakan dalam pelbagai bahasa bagi memastikan kefahaman dan capaian yang lebih meluas. Bahasa yang terlibat termasuk Bahasa Malaysia, Arab, Burma, dialek Burma, dan berkemungkinan dalam bahasa Filipino.
- viii. Edaran bahan promosi dijangka bermula bulan Jun 2025. Wakil UNHCR memohon nama pegawai di JKN yang akan menjadi *focal person* untuk memudahkan komunikasi antara JKN dan UNHCR.

Makluman

- ix. Professor Datuk Dr. Zulkifli Ismail dari IFL memohon kenyataan rasmi daripada pihak atasan KKM untuk digunakan oleh pakar kanak-kanak dan pengamal perubatan. Pengerusi maklumkan kenyataan rasmi akan dikeluarkan oleh pihak pengurusan tertinggi.

Makluman

c. Senarai Nama Kanak-kanak Yang Layak Menerima Vaksin MR

- i. Pn. Hasnida dari JPNIN memaklumkan di bawah JPNIN terdapat satu bahagian yang menguruskan 41 TASKA Perpaduan yang menempatkan kanak-kanak berumur 2 hingga 4 tahun, dan 1,781 TABIKA Perpaduan bagi kanak-kanak berumur 4 hingga 6 tahun. Beliau bertanyakan bagaimana pihak JPNIN boleh membantu dalam menjayakan Kempen MR SIA ini.
- ii. Pengerusi memaklumkan, selepas sesi libat urus ini, KKM akan menghantar surat kepada agensi mengenai kerjasama yang diharapkan di samping berkongsi kod QR yang mengandungi bahan-bahan promosi Kempen MR SIA. KKM juga akan melaksanakan taklimat kepada pemilik TASKA, guru dan ibu bapa mengenai Kempen MR SIA.

Tindakan: BPKK dan BKP

- iii. Pn Asmaliza dari JKM memaklumkan kerjasama bagi Kempen MR SIA ini akan diuruskan oleh Jabatan Pembangunan Kanak-kanak, JKM. Bagi pusat jagaan yang berdaftar dengan JKM tiada masalah bagi mendapatkan senarai kanak-kanak, kerana mereka di bawah jagaan ibu bapa. Namun, bagi pusat jagaan yang tidak berdaftar, adalah sukar untuk mendapatkan senarai kanak-kanak.
- iv. Terdapat sebanyak 36 institusi kanak-kanak di bawah JKM, di mana 5 hingga 6 institusi dari jumlah ini menempatkan kanak-kanak berumur 12 tahun ke bawah.

- v. Beliau turut bertanya mekanisme pelaksanaan pemberian vaksin MR sepanjang Kempen MR SIA, sama ada KKM akan ke institusi ini, atau pihak institusi perlu membawa kanak-kanak ini ke klinik kesihatan. Pengerusi memaklumkan perkara ini akan diperhalusi semasa pembentangan pelan pelaksanaan Kempen MR SIA bersama semua Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) yang akan dilaksanakan selepas sesi libat urus ini. Buat masa ini, KKM memerlukan senarai institusi beserta senarai kanak-kanak berusia 6 hingga 59 bulan.
- vi. Selain itu Kempen MR SIA turut melibatkan kanak-kanak kurang upaya (OKU), oleh yang demikian institusi kanak-kanak terlantar seperti Sinar Harapan perlu dilibatkan dalam kempen ini.

Makluman

- vii. En Mohd Fakarudin dari KPM memaklumkan Kempen MR SIA ini perlu dialamatkan juga ke Bahagian Sekolah Harian (untuk perhatian Unit Pra-Sekolah), Bahagian Permata serta Bahagian Pendidikan Swasta bagi mendapatkan senarai kanak-kanak berumur bawah 5 tahun. Pihak KPM turut bersedia untuk membantu dalam aktiviti advokasi dan promosi.

Makluman

- viii. Pn Nur Fatimah memaklumkan tiada TASKA atau pusat jagaan kanak-kanak di bawah JAKIM. Pihak JAKIM boleh memberikan 1 slot khutbah solat Jumaat bagi tujuan advokasi dan promosi Kempen MR SIA, dan boleh diselaraskan untuk tiga masjid utama iaitu Masjid Negara, Masjid Putra dan Masjid Tuanku Mizan. Bagi slot khutbah di negeri, perlu diselaraskan bersama Majlis Agama Islam yang tertakluk di bawah negeri dan Sultan masing-masing.

Makluman

d. Kanak-kanak Orang Asli

- i. Wakil JAKOA memaklumkan mereka akan membantu membuat hebahan mengenai Kempen MR SIA melalui JAKOA negeri serta slot-slot media seperti stesen radio Asyik FM.
- ii. Pada masa ini Pasukan Bergerak Orang Asli (PBOA) masih digunakan untuk pemberian vaksin. Cabaran yang akan di hadapi adalah kanak-kanak yang tidak bersekolah serta kanak-kanak semi nomad yang berkemungkinan akan menolak untuk disuntik.

Makluman

e. Kanak-kanak Bukan Warganegara dan Pelarian

- i. En Jason Yeo, wakil UNHCR, memaklumkan terdapat isu kanak-kanak Bukan Warganegara (BWN), dikenakan caj pendaftaran semasa mendapatkan vaksin di klinik kesihatan, walaupun perkara itu tertakluk di bawah pengecualian akta fi. Pengerusi memaklumkan KKM telah diingatkan agar tidak mengenakan sebarang bayaran pendaftaran semasa pelaksanaan vaksinasi di bawah Kempen MR SIA.

Makluman

- ii. Pengerusi memaklumkan terdapat peningkatan bilangan kes dalam kalangan kanak-kanak pelarian, dan menganggarkan seramai 18,661 orang kanak-kanak pelarian yang perlu disasarkan dalam Kempen MR SIA ini.

Makluman

f. Jadual Imunisasi MMR dan MR

- i. Dr. Sivanaesan, dari MMA bertanya tentang protokol untuk kanak-kanak yang telah menerima vaksin MMR baru-baru ini. Pengerusi menjelaskan kanak-kanak yang dijadualkan menerima MMR pada usia 9 atau 12 bulan akan menerima MMR dan tidak perlu MR, kerana MMR lebih lengkap kerana memberi perlindungan kepada 3 penyakit iaitu measles, mumps dan rubella.

- ii. Bagi kanak-kanak berusia 6 bulan yang menerima vaksin monovalen measles, mereka akan menerima MR semasa Kempen MR SIA.
- iii. Kanak-kanak yang telah menerima MMR, contohnya pada usia 12 bulan dan semasa kempen berusia 15 bulan, masih perlu menerima MR dengan syarat jarak sekurang-kurangnya empat minggu dari dos terakhir.

Makluman

g. Kebimbangan Dalam Kalangan Doktor dan Ibu Bapa

- i. Dr. Sivanaesan dari MMA menyuarakan kebimbangan mengenai *vaccine fatigue* dan kesukaran meyakinkan ibu bapa serta doktor.
- ii. Sesi libat urus dan taklimat Kempen MR SIA kepada fasiliti swasta juga akan dilaksanakan di peringkat Jabatan Kesihatan Negeri.
- iii. Professor Datuk Dr. Zulkifli Ismail dari IFL menyatakan kebimbangan ibu bapa yang anaknya telah menerima MMR, serta mempersoalkan isu tersebut semasa kempen. Pengerusi mengambil maklum mengenai risiko kebimbangan ini dan turut memaklumkan antara strategi pelaksanaan kempen ini adalah dengan memberi fokus utama di kawasan berisiko tinggi terlebih dahulu.

Makluman

PENUTUP

Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua ahli mesyuarat yang telah hadir. Mesyuarat ditangguhkan pada jam 5.00 petang.

Disediakan oleh:


Urusetia
Sektor Kesihatan Bayi & Kanak-Kanak
Bahagian Pembangunan Kesihatan
Keluarga

Tarikh: 15 Mei 2025

Disemak oleh:


Dr Zaahirah Mohammad
b.p. Ketua Sektor Kesihatan Bayi &
Kanak-Kanak
Bahagian Pembangunan Kesihatan
Keluarga

Tarikh: 27 Mei 2025